

SEPTEMBER
2022

Aspirasi
Keperwakilan

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my



Sembah Tahniah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang
Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah,
DK., SSAP., SIMP.

Sempena

Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-27
Pada 17 September 2022 bersamaan 10 Safar 1444 Hijrah

Sembah Takzim daripada

Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan Warga Kerja Kumpulan PKNP



SEMBAH TAHNIAH TUANKU PEMANGKU RAJA PAHANG

Merafak sembah dan setinggi - tinggi Sembah Tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al - Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke - 27 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 17 September 2022 bersamaan 20 Safar 1444H.

Pacal - pacal sekalian mendoakan moga - moga Allah S.W.T mengurniakan kesihatan yang afiat, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam rahmat pemeliharaan - Nya.

Sembah Takzim dari Pengerusi, Ahli - Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Warga Kerja Kumpulan PKNP.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP DIJEMPUT MEMYAMPAIKAN CERAMAH DI UTM, SKUDAI, JOHOR



Sesi perkongsian ilmu secara santai dan bersifat dua hala.

29 September - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dijemput menyampaikan ceramah bertajuk 'Strategies for Strengthening Industrial Networks' di Azman Hashim International Business School, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

Program selama 2 jam ini dihadiri oleh kira - kira 70 orang pensyarah dari Kampus Johor dan Kuala Lumpur secara fizikal dan atas talian.

Jemputan daripada UTM ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepada YH. Dato' dan PKNP sendiri kerana diberi peluang untuk bertukar pandangan mengenai strategi, pengalaman dan kaedah yang telah digunapakai PKNP dalam berurusan dengan Para Pelabur Perindustrian.

Malah, program seperti ini sedikit sebanyak telah memberi manfaat dan membuka ruang untuk kedua - dua pihak menjalin kerjasama dengan lebih erat.

Selamat Menyambut
**ULANG TAHUN KELAHIRAN
YANG KE
64**

YAB. Menteri Besar Pahang merangkap Pengerusi PKNP



**Dato' Sri Haji Wan Rosdy
bin Wan Ismail**

SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.

"SEMOGA SENTIASA DALAM
RAHMAT ALLAH SWT"

Ikhlas Daripada:

Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan Warga Kerja Kumpulan PKNP

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PROJEK MIGHT KE PKNP



Saling bertukar idea dan pandangan mengenai potensi perniagaan yang boleh dimanfaatkan oleh PKNP

Kuantan, 12 September - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Projek Malaysian - Industry Government Group for High Technologies (MIGHT), Encik Megat Shahrul Azam bin Datuk Dr. Megat Burhainuddin di Tingkat 16, Kompleks Teruntum.

Tujuan kunjungan ini adalah untuk mewujudkan hubungan perniagaan strategik dua hala di antara PKNP dan MIGHT dalam sektor - sektor terpilih seperti smart city, industrial smart park, farming city, agro city dan sebagainya.

MIGHT merupakan sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang memainkan peranan penting dalam mengembangkan teknologi tinggi di Malaysia melalui peranannya sebagai badan pemikir, pembangunan konsensus swasta-awam dan platform pemeliharaan perniagaan.

Turut hadir adalah Pengurus Perindustrian PKNP, Tuan Hj Md Daud bin Abdul Rahman.

KUNJUNGAN HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF UNIT PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PAHANG BARAT PLUS KE PKNP

Kuantan, 14 September - YH. Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus, YH. Dato' Tpr. Harizah binti Dato' Haji Hassan.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan cadangan Taman Teknologi Bersepadu Bentong di Mempaga yang melibatkan kawasan Taman Perindustrian Mempaga (Pemprosesan Mineral), Taman Industri Perabut di Lipis dan Kg. Sempadan, Lanchang serta Hotel Bajet di Merapoh.

Malah perbincangan turut melibatkan pembangunan Tenun Pahang Diraja, pengaktifan RnR di Pos Betau, Lipis, industri berasaskan Nadir Bumi di Sungai Temau, Lipis dan cadangan Akademi Mineral Negara.

Hadir bersama adalah Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Encik Mohd Rizal bin Redzuan dari Bahagian Perindustrian, Puan Norasyikin binti Abdul Jalil dari Unit Pemantauan Perniagaan dan Encik Ahmad Nur Azrul bin Che Razali dari Bahagian Pembangunan Hartanah.



PKNP mengalu - alukan kedatangan YH. Dato' Tpr. Harizah binti Dato' Haji Hassan.

LAWATAN TAPAK DAN MESYUARAT PENYELARASAN MAJLIS PECAH TANAH PROJEK KILANG PELURU DI KG KECHAU, DAERAH LIPIS OLEH SYARIKAT KETECH ASIA SDN. BHD.



Lawatan tapak bersama pihak yang terlibat bagi melicinkan perancangan program

28 September - Satu lawatan ke tapak projek kilang peluru oleh syarikat Ketech Asia Sdn. Bhd. telah diadakan sebagai persediaan penganjuran majlis pecah tanah projek berkenaan.

Lawatan yang dihadiri oleh Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim turut disusuli dengan mesyuarat penyelarasan yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Lipis, YH. Dato' Mohd Hafizi bin Ibrahim yang telah membincangkan tugas dan tanggungjawab pihak-pihak berkaitan serta persediaan-persediaan awal bagi majlis pecah tanah tersebut.

Majlis pecah tanah bagi projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM150 juta tersebut dijangka akan dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato Seri Haji Wan Rosdi bin Wan Ismail tidak lama lagi.

Turut hadir adalah Penolong Pengurus Hal Ehwal Korporat, Puan Dhaleazafarina Md. Zabani serta wakil-wakil dari syarikat Ketech Asia Sdn. Bhd.

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PENYIARAN PAHANG KE PKNP



Kunjungan kali pertama Pengarah Penyiaran Pahang, Encik Zuhaimi bin Zainal Abidin ke atas YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

Kuantan, 14 September - YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Penyiaran Negeri Pahang Encik Arifin bin Awang bersama Pegawai RTM Pahang Encik Zuhaimi bin Zainal Abidin di Tingkat 16, Kompleks Teruntum.

Kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan baik yang sedia terjalin di antara PKNP dan Jabatan Penyiaran Pahang khususnya dengan pihak RTM Pahang.

Selain itu, pihak Jabatan Penyiaran Pahang juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada PKNP yang telah memberikan kerjasama dan sokongan terutama dalam bentuk sumbangan dan penajaan bagi penganjuran sambutan Hari Malaysia peringkat Negeri Pahang.

Jabatan Penyiaran Pahang merupakan urus setia kepada Penganjuran Program ini yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari Bin Haji Hussain, Exco Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang.

PENYERTAAN USAHAWAN PAHANG DI MALAYSIA INTERNATIONAL HALAL SHOWCASE (MIHAS) 2022



Barisan petugas PKNP sepanjang MIHAS berlangsung selama 4 hari

7 September - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) selaku urusetia bersama Kerajaan Negeri Pahang sedang menyertai Malaysia International Halal Showcase kali ke - 18 (MIHAS) di Malaysia International Trade & Exhibition Center (MITEC), Kuala Lumpur bermula 7 September - 10 September 2022.

Majlis perasmian telah diadakan pada 8 September 2022 oleh YAB. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia. Beliau juga sempat meluangkan masa berkunjung ke Pavillion MIHAS Negeri Pahang.

Sementara itu, penganjuran MIHAS kali ini telah melibatkan penyertaan usahawan Negeri Pahang yang paling ramai iaitu seramai 16 usahawan.

Antara agensi-agensi serta usahawan Pahang yang terlibat adalah :-

- Perniagaan Sutera Pulau Keladi
- Tourism Pahang
- Jaman Tory Marketing
- Mega Laziz Food Industry Sdn Bhd
- AF Vision Sdn Bhd
- Ana Saji Resource
- Kash Honey Legacy
- Suehanis Empire

Seramai 6 orang pegawai dan kakitangan PKNP diketuai oleh Encik Nasry bin Kassim, Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan terlibat sepanjang program ini berlangsung.

Selamat Menyambut
HARI MALAYSIA
16 SEPTEMBER BERSAMAAN 19 SAFAR 1444H

"Banggalah dengan tanah airmu. Jadilah generasi penerus bangsa yang punya rasa cinta akan tanah air. Jadikan Malaysia sebuah negara yang maju, makmur dan adil"

Abbas daripada
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
serta
Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP

lensaPKNP
PHOTOGRAPHY

TAKLIMAT DAN PENYEDIAAN DOKUMEN MYPERFORMANCE



KEJOHANAN BOLING TIGA PENJURU DI KUALA TERENGGANU



PERLAWANAN PERSAHABATAN GOLF PKNP DAN PMINT



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Chani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman
Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar